

Pertahankan bangsa dan negara: Anwar

BERUAS, Ahad — Para anggota Pemuda Umno Malaysia hendaklah sentiasa ber-satupadu dengan jiwa masing-masing ditanamkan dengan semangat waja dan sedia berjuang dan berkorban demi untuk mempertahankan maruah bangsa dan negara.

Sekiranya terjadi perbalahan kerana isu-isu peribadi sehingga menimbulkan pula krisis sesama sendiri, maka anasir-anasir jahat akan mengambil peluang untuk menghancurkan negara, kata ketua Pemuda Umno Malaysia Encik Anwar Ibrahim.

Para pemimpin atau bakal pemimpin hendaklah menyedari bahawa setiap yang diperjuangkan hendaklah ikhlas dan tidak ada sesuatu yang dituntut di sebalik perjuangan itu untuk kepentingan diri sendiri.

Malah, setiap pemimpin yang dipilih atau dilantik hendaklah membantu memimpin parti dan bukannya memimpin kelompok masyarakat yang menyokong seseorang pemimpin itu, kata beliau.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda dan Wanita Umno bahagian Beruas di Sekolah Kebangsaan Pancur dekat sini, Encik An-

war menegaskan setiap perjuangan jangan hanya ditumpukan kepada politik semata-mata tetapi kepentingan pendidikan, ekonomi, kebajikan dan kebudayaan bangsa hendaklah juga dititikberatkan.

Encik Anwar, yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata tahun 1983 merupakan ujian penting bagi Pergerakan Pemuda Umno.

Waspada

Tegasnya, sebagai sayap kanan parti, Pergerakan Pemuda hendaklah dari sekarang menyedari dan memperkemarkan setiap jenteranya di seluruh negara supaya waspada dan berhati-hati atas sebarang kemungkinan yang mungkin dicetuskan oleh Rusia.

Ugutan dari Timbalan Menteri Luar negara komunis yang besar itu supaya Malaysia mengubah dasarnya terhadap isu Kampuchea bukan main-main dan tidak boleh dianggap sepi sahaja, tambahnya.

Encik Anwar berkata Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan bukannya

boneka dan Pergerakan Pemuda hendaklah bekerja keras bagi menentukan para belia di negara ini benar-benar berke-wajipan dan berkemampuan untuk menjadi benteng pelapis mempertahankan negara.

Bagi mencapai hasrat itu, Pergerakan Pemuda mestilah menjalankan kewajipan dengan memberikan semangat dan dorongan kepada para belia supaya rajin belajar, tekun bekerja, mempunyai akhlak yang tinggi dan tidak pula akan dipengaruhi oleh gejala dadah, tambahnya.

Di samping itu, para belia itu juga hendaklah disemai-kan dengan semangat tahu harga diri dan memahami harga kemerdekaan dan cintakan tanahair sebenarnya, tegas Encik Anwar.

Encik Anwar berkata para belia yang berniat menjadi pengkhianat hendaklah meninggalkan negara ini kerana bumi Malaysia bukannya tempat untuk pengkhianat-pengkhianat hidup dan bermaharajalela.

Terdahulu dari itu, Encik Anwar telah diberi sambutan yang begitu meriah serta dialu-alukan dengan lagu yang dinyanyikan oleh lebih 200 orang. — Bernama.